

# Jadi negara transit dadah sebab tambang murah

Oleh ATIKAH DALI  
berita@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Tawaran tambang murah dipromosikan syarikat penerbangan di negara ini turut diambil kesempatan oleh sindiket pengedaran dadah antarabangsa menjadikan negara ini sebagai transit mengedar dadah.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Datuk Zul Hasnan Najib Baharuddin berkata, polis percaya sindiket dadah antarabangsa memilih Malaysia sebagai negara transit bagi mengurangkan kos penghantaran dadah ke negara-negara lain.

Kebanyakan dadah yang dibawa dari Amerika Latin itu dihantar ke negara jiran termasuk China kerana ia mempunyai bilangan pelancong dari Amerika Latin yang ramai.

"Walaupun sindiket tersebut telah menukar modus operandi dengan merekrut warga asing sebagai kurier menghantar dadah, namun mereka masih menjadikan negara ini sebagai pangkalan penghantaran dadah yang membuat permintaan.


"Kebiasaannya dadah yang dibawa masuk bukannya untuk permintaan negara ini, sebaliknya untuk pasaran luar negara," kata beliau semalam.

Menurut beliau, kebanyakan ahli sindiket masuk ke negara ini menggunakan pas pelajar.

"Mereka mencari rakyat asing di sini dan merekrut mereka menghantar dadah ke negara-negara luar," kata beliau.

Antara rakyat asing yang menjadi pilihan sindiket dadah tersebut adalah warga Filipina, Singapura dan Indonesia.

Zulhasnan memberitahu, ahli sindiket ter-



PETA menunjukkan dadah dibawa dari Amerika Latin ke Malaysia sebelum dihantar ke China.

sebut tidak serik untuk meneruskan kegiatan mereka kerana ia memberi keuntungan tinggi.

Antara dadah yang mendapat permintaan tinggi pelanggan di China adalah jenis kokain dan heroin nombor 4.

Katanya, sepanjang tahun lalu, polis menahan 27 warga Afrika Barat yang memperdaya dan memperalatkan rakyat negara ini sebagai kurier

dadah.

"Empat ahli sindiket dadah tersebut telah dihukum di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 manakala tujuh lagi diusir," katanya.

Tambahnya, kebanyakan sindiket tersebut memiliki senjata api bagi melindungi diri daripada sindiket lain dan pihak berkuasa.